

Organised by :



RICREN
Research Industry Community
Alumni Entrepreneurship Network

Programme by :


INSPIRED 2024
IPOH INTERNATIONAL SUMMIT ON
PROFESSIONALISM, RESEARCH & EDUCATION

In Collaboration With :

BITCOM
BUSINESS INNOVATION & TECHNOLOGY COMMERCIALIZATION CENTRE

MRM
MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA

MDECTM



13TH INDES 2024

ENVIRONMENTAL • SOCIAL • GOVERNANCE

THE 13TH INTERNATIONAL INNOVATION, INVENTION & DESIGN COMPETITION 2024

EXTENDED ABSTRACTS
e-BOOK

EXTENDED ABSTRACTS e-BOOK

THE 13th INTERNATIONAL INNOVATION, INVENTION & DESIGN COMPETITION 2024



Organized by:
Office Of Research, Industry,
Community & Alumni Network
UiTM Perak Branch

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2024

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No e- ISBN: 978-967-2776-31-4

Cover Design: Dr. Mohd Khairulnizam Ramlie
Typesetting : Zarinatun Ilyani Abdul Rahman

EDITORIAL BOARD

Editor-in-Chief

ZARINATUN ILYANI ABDUL RAHMAN

Managing Editors

NUR FATIMA WAHIDA MOHD NASIR

SYAZA KAMARUDIN

Copy Editors

ZARLINA MOHD ZAMARI

DR NURAMIRA ANUAR

NORLINDA ALANG

DHAYAPARI PERUMAL

WAN FARIDATUL AKMA WAN MOHD RASHIDI

HALIMATUSSAADIAH IKSAN

NURDIYANA MOHAMAD YUSOF

ONG ELLY

NURSHAHIRAH AZMAN

MUHD SYAHIR ABDUL RANI

DR PAUL GNANASELVAM A/L PAKIRNATHAN

AMIRUL FARHAN AHMAD TARMIZI

SYAREIN NAZRIQ MARIZAM SHAHRULNIZAM

NAZIRUL MUBIN MOHD NOOR

NOR NAJIHAH NORAFAND

INTAN NOORAZLINA ABDUL RAHIM

AZIE AZLINA AZMI

NOORAILEEN IBRAHIM

IZA FARADIBA MOHD PATEL

PaW : MENINGKATKAN PENGUASAAN PANTUN MENGIKUT HUKUM KEGRAMATISAN BAGI MURID TAHUN 6

Muhammad Bin Azis¹ dan Muhammad Shahrul Bin Rozali²

^{1,2}Guru Bahasa Melayu, SJK(C) Ming Chih,
5, Jalan Hijaun 2, Horizon Hills, 79100 Iskandar Puteri, Johor

g-p18070040@moe-dl.edu.my & g-p18070062@moe-dl.edu.my

ABSTRACT

This study aims to identify the problem of student mastery in the end rhyme of Malay two-line poems. The processing of high-quality poems requires finding the final rhyme, maintaining the order of words, choosing appropriate symbols, and selecting the right words to convey ideas and thoughts effectively, while also achieving the desired impact on the audience. Mastering this skill is essential for an individual to fully grasp the Malay language's elements. Therefore, the implementation of PaW is intended to help students master the rhyme at the end of Malay two-line poems. This qualitative study adapts the Jean McNiff Model. The researcher developed an intervention called PaW, which combines elements of line, shape, and space in its structural construction. PaW focuses on following grammatical rules in the arrangement of words for each line of a perfect poem. Using a sampling method, a total of five Year 6 students from a school in the Iskandar Puteri district of Johor, who experienced difficulties mastering the rhyme at the end of Malay two-line poems, were selected. The instruments used include initial and final tests, observations, and interviews, and the data collected will be analyzed descriptively. The findings show that the students' level of proficiency in writing the rhyme at the end of Malay two-line poems improved after applying PaW. In conclusion, this study can serve as a reference for Malay teachers in creating an effective teaching and learning process for syntactic aspects, particularly for writing skills and language arts.

Keywords: Rhyme, language arts, final rhyme, PaW, grammaticality, syntax.

1. PENGENALAN

Puisi tradisional Melayu seperti gurindam, seloka, nazam dan syair, pantun masih terkenal hingga masa kini. Pantun dua baris dan pantun empat baris masih mendapat tempat dalam masyarakat moden. Pantun diaplikasikan dalam lagu-lagu rakyat seperti boria, dondang sayang dan zikir barat walaupun lagu-lagu rakyat ini jarang berkumandang. Pantun juga masih digunakan dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis peminangan dan pernikahan dalam masyarakat Melayu. Begitu juga dengan acara dan majlis lain, biasanya juru acara dan pembicara sering membuka, menutup dan menyelitkan ucapan dengan serangkap pantun. Ramai sarjana Melayu membuat kajian dan perbincangan tentang pantun. Ketelitian dan daya pengolahan pantun sebagai suatu bentuk seni yang tinggi nilainya dalam masyarakat Melayu lama menjadi khazanah bangsa, karya agung yang perlu dijaga dan diketengahkan.

Generasi baharu merupakan generasi yang perlu dibimbing dalam menghasilkan pantun yang bermutu. Berdasarkan masalah murid tidak dapat menguasai rima akhir pantun bagi menghasilkan pantun yang gramatis, objektif pelaksanaan adalah untuk mengenal pasti masalah penguasaan murid dalam rima akhir pantun dua baris bahasa Melayu. Kemudian, mengenal pasti keberkesanan inovasi PaW dalam meningkatkan penguasaan murid dalam rima akhir pantun dua


baris bahasa Melayu. PaW merupakan akronim kepada Pantun W yang menghamparkan inovasi hasil gabungan struktur huruf W dan pantun dua baris bahasa Melayu.

2. METODOLOGI

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan ujian awal dan akhir, dan temu bual. Instrumen ini adalah berpandukan adaptasi Model Penyelidikan Kajian Tindakan oleh Jean McNiff (1988) yang disesuaikan dengan PaW. Terdapat 4 proses utama iaitu refleksi awal, perancangan, tindakan dan refleksi akhir. Pada peringkat refleksi awal, pengkaji mengenal pasti kelemahan murid dalam kemahiran menulis pantun dua baris lalu mengelompokkan murid dengan tahap penguasaan yang lemah dalam aspek penguasaannya. Peringkat perancangan pula dimulakan dengan merancang pembinaan bahan, kaedah pengumpulan data dan langkah pelaksanaan intervensi. Seterusnya, pengkaji akan melaksanakan kajian iaitu intervensi PaW pada peringkat tindakan. Pada peringkat refleksi akhir, pengkaji akan menilai kekuatan dan kelemahan tindakan serta membuat cadangan penambahbaikan. Data yang dikumpulkan dianalisis lalu dipersembahkan melalui graf bar.


3. DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan mengenai bentuk pantun yang sempurna mengikut hukum binaannya serta keberkesanan pengimplementasian inovasi PaW terhadap penulisan pantun dua baris murid, data tersebut dapat dipersembahkan melalui Jadual 1.



Rajah 1 Perbandingan Markah Ujian Awal dan Ujian Akhir

Secara rangkumannya, pengimplementasian inovasi PaW meningkatkan keberkesanan objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Gabungan antara inovasi PaW, hukum binaannya dan pemfokuskan pada rima akhir ini memberikan hasil yang positif ke arah kegramatisan pantun dua baris bahasa Melayu.



Rajah 2 Gabungan elemen untuk mencapai Kegramatisan Pantun Dua Baris

4. KESIMPULAN

Rumusannya, penguasaan aspek seni bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah sangat penting supaya murid memiliki keseimbangan dalam kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca, menulis secara efektif melalui pelbagai kaedah pengajaran. Oleh yang demikian, inovasi yang dicadangkan ini iaitu PAW dilihat sesuai dalam membantu murid-murid untuk mempelajari aspek seni bahasa iaitu pantun dua baris dengan lebih seronok sekali gus membantu mereka memahami topik tersebut dengan mudah. Melalui inovasi PaW ini juga, guru-guru boleh meningkatkan minat murid untuk belajar kerana penerapan unsur didik hibur semasa belajar. Jelaslah bahawa penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang dihadapi perlulah diselesaikan dengan kreatif bagi membolehkan masalah itu diselesaikan dengan baik.

RUJUKAN

- Bogdan, Robert C., Biklen, & Sari Knopp. (1998). *Qualitative Research for Education, An Introduction to Theory and Methods.* : Allyn and Bacon.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka. Jean McNiff. (1988). *Action research: Principles and Practice.* Routledge.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6 Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK).* Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shamsina Shamsuddin. (2013). *Pengantar Penyelidikan Tindakan Dalam Penyelidikan Pendidikan.* Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Wiana, & Desri. (2010). Analisis Tema pada Pantun Melayu (Suatu Kajian Fungsional Linguistik). *Jurnal Ilmiah Abdi Ilmu*, 3(2), 111–120.

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.
3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar